

SAMY: KERAJAAN TUNGGU SIASATAN BPR — DR. M

(12)

11/16 JUL 1992

KUALA TERENGGANU 15 Julai
— Kerajaan akan menunggu hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas Dato' Sri S. Samy Vellu selesai sebelum mengambil sebarang tindakan ke atasnya.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, buat masa ini tidak ada apa-

Oleh
Khalid Mohd

apa tindakan yang boleh diambil ke atas menteri itu walaupun beliau sedang disiasat oleh BPR.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan akan berpegang kepada prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya.

Beliau berkata demikian apabila ditanya oleh para wartawan kenapa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos itu tidak digantung jawatan atau diminta bercuti memandangkan

siasatan BPR ke atasnya sudah sampai ke peringkat yang serius.

Dr. Mahathir menjelaskan, tidak ada peraturan yang membolehkan menteri Kabinet digantung kerja seperti kakitangan perkhidmatan awam.

Bercakap pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Kabinet di sini hari ini, beliau berkata, keadaan dalam perkhidmatan awam adalah berlainan di mana kakitangan kerajaan kadang-kala terlibat menengdalikan wang.

“Dalam keadaan seperti ini,

LIHAT MUKA 2

4

SAMY: KERAJAAN TUNGGU SIASATAN BPR — MAHATHIR

16 JUL 1992
kita boleh ambil tindakan seperti menggantung kerjanya atau meminta dia berehat sekejap.

"Tapi kalau menteri lainlah, dia tidak *handle* duit kerajaan," ujarnya.

Ditanya tidakkah siasatan BPR itu akan menjejaskan kredibiliti kerajaan sekiranya menteri yang disiasat itu terus menjalankan tugasnya seperti biasa, Perdana Menteri berkata:

"Soal kredibiliti akan timbul jika kita tidak sanggup membenarkan BPR mengambil tindakan menyiasat.

"Tapi ini kita tidak halang mereka . . . inilah kredibiliti kerajaan. Kita sanggup sesiapa saja dalam kerajaan yang hendak diperiksa, boleh diperiksa."

Bagaimanapun tambahnya, kerajaan tidak

boleh mengambil tindakan semata-mata kerana BPR mengambil tindakan.

Sesungguhnya, kata Dr. Mahathir, siasatan BPR ke atas Samy Vellu adalah satu kredit kepada kerajaan kerana sanggup membenarkan seorang menteri disiasat.

"Samy Vellu boleh terus menjalankan tugasnya sebagai menteri. Ini soal peribadi . . . kalau dia buat salah sebagai menteri kita boleh ambil tindakan," ujar Perdana Menteri.

Samy Vellu sedang disiasat oleh BPR berhubung tawaran 10 juta saham Telekom kepada Maika Holdings, cabang pelaburan MIC. Tawaran ini telah ditolak oleh Maika yang hanya menerima satu juta saham sahaja.

Baki sembilan juta lagi diagihkan kepada tiga buah syarikat lain dengan masing-masing mendapat tiga juta saham.